

MAHATHIR-KAJIAN
(I)

OLEH G. PALANIVEL

1982

KUALA LUMPUR, 11 OKT. (BERNAMA) -- SATU KAJIAN PENDAPAT UMUM MENUNJUKKAN BAHAWA KEBANYAKAN ORANG MERASA BAHAWA PENTADBIRAN MAHATHIR TELAH MEMBAWA +PEMBAHARUAN DAN KEMAJUAN+ KEPADA NEGARA.

KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH PARA PELAJAR SEKOLAH SEBARAN AM, INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) MENUNJUKKAN BAHAWA KEBANYAKANNYA MENYOKONG KETEGASAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MELAKSANAKAN DASAR-DASAR.

MENURUT KAJIAN ITU, 61 PERATUS RESPONDEN LUARBANDAR DAN 64 PERATUS PADA DI BANDAR MEMILIH DR. MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN YANG PALING DISUKAI DAN PENUH KARISMA.

KAJIAN ITU MENDAPATI BAHAWA ORANGRAMAI BERMINAT DENGAN PENTAD-BIRAN MAHATHIR +KERANA SATU GETARAN BARU BOLEH DIRASAKAN+.

MENURUT KAJIAN ITU SEBENARNYA INGIN TAHU AKTIVITI-AKTIVITI PERDANA MENTERI MEREKA MERASA DATUK SERI DR. MAHATHIR SETAKAT INI TELAH MEMBUAT BEBERAPA LANGKAH YANG TIDAK DISANGKA-SANGKA.

LAGI 1444/AN

0564

MAHATHIR-KAJIAN 2 KUALA LUMPUR

KAJIAN ITU JUGA MENUNJUKKAN BAHAWA LEBIH 50 RAKYAT MEMAHAMI PERLUNYA PERUBAHAN DAN BERSETUJU SEPENUHNYA DENGANNYA.

KAJIAN ITU MENDAPATI BAHAWA RAKYAT MEMAHAMI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI +SEORANG PEMIMPIN YANG BERKEBOLEHAN DAN AGRESIF+.

SETENGAH-SETENGAH DARIPADA RESPONDEN MENDAPATI PERUBAHAN PERUBAHAN SEPERTI SISTEM PERAKAM WAKTU BEGITU MEMBEBAKANKAN TETAPI KERANA KESEDIAAN MEREKA MELIHAT KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN, MEREKA TELAH MENERIMA DAN MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SISTEM ITU.

KAJIAN ITU JUGA MENUNJUKKAN KESEDARAN RAKYAT TERHADAP PERUBAHAN- PERUBAHAN YANG DIPERKENALKAN SEMASA PENTADBIRAN MAHATHIR:

PERUBAHAN.

LUARBANDAR/BANDAR (DALAM PERATUSAN)

PERUBAHAN MASA	95.5	98.8
SISTEM PERAKAM WAKTU	78.8	93.3
SISTEM 3M	80.0	81.1

SISTEM METRIK	90.0	87.7
PENGAMBILALIHAN GUTHRIE	24.4	71.1
BAGAR MEMANDANG KE TIMUR	63.3	74.4
PERISYTIHARAN HARTA BAGI		
KAKITANGAN KERAJAAN	54.4	80.0
PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA		
YANG LEBIH INTENSIF	55.5	67.7

LAGI 1453/AN

MAHATHIR-KAJIAN 3 KUALA LUMPUR

PARA PELAJAR ITU JUGA BERKATA DALAM LAPORAN KAJIAN ITU MEREKA TIDAK MENYANGKA ORANGRAMAI BEGITU MENGETAHUI MENGENAI AKTIVITI-AKTIVITI DATUK SERI DR.MAHATHIR BILA MEREKA MELANCARKAN KAJIAN MEREKA.

MEREKA BERPENDAPAT BAHAWA KESEDARAN YANG TINGGI DI KALANGAN ORANGRAMAI MENGENAI PERKARA YANG DIKAJI MUNGKIN DISEBABKAN OLEH HAKIKAT BAHAWA DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD MERUPAKAN SEORANG TOKOH YANG KONTROVESIL.

KAJIAN ITU DIJALANKAN DI KALANGAN 200 ORANG. SERAMAI 100 ADALAH DARI KUALA LUMPUR DAN SELAINNYA DARI LUARBANDAR-PEKAN BATU TIGA, SELANGOR.

KAJIAN ITU DIAWASI OLEH ENCIK HAMDAN ADNAN SALAH SEORANG PENSYARAH ITM.

--BERNAMA 1458/AN